



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN REKABENTUK LANDSKAP SEKOLAH  
DENGAN PENCAPAIAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH DI BESUT, TERENGGANU**

**MOHD REDZAUDDIN BIN ISMAIL**

**FRSB 2008 9**



**HUBUNGAN REKABENTUK LANDSKAP SEKOLAH  
DENGAN PENCAPAIAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH DI BESUT, TERENGGANU**

**Oleh**

**MOHD REDZAUDDIN BIN ISMAIL**

**Penulisan projek ini dipersembahkan kepada Fakulti Rekabentuk dan  
Senibina, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari  
keperluan untuk ijazah Master Senibina Landskap**

**Disember 2008**



## DEDIKASI

*Khas buat ibubapa tercinta,  
isten yang disayangi dan anak-anak  
serta keluarga yang dikasihi sekalian*

*Terima kasih yang tidak terhingga atas segala pengorbanan, ketabahan dan  
kesabaran serta iringan doa yang tak pernah lekang di bibir  
hingga ke hari ini*

*Jasa kalian akan tetap dikenang dan terus bersemadi hingga ke akhir hayat*

*Insyaa-Allah*

## **ABSTRAK**

# **HUBUNGAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP LANDSKAP SEKOLAH DENGAN PENCAPAIAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI BESUT, TERENGGANU**

Oleh

**MOHD REDZAUDDIN ISMAIL**

**DISEMBER 2008**

**Penyelia : Suhardi Maulan, PhD**

**Fakulti : Rekabentuk dan Senibina**

Persekitaran pembelajaran adalah salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi akademik pelajar. Persekitaran pembelajaran yang tidak selesa dan menjemukan biasanya melahirkan pelajar yang berprestasi rendah. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk meninjau serta membandingkan persekitaran pembelajaran dan pencapaian prestasi akademik pelajar sekolah menengah di Besut yang berbeza tahap pencapaian akademik. Peserta kajian terdiri daripada 300 orang pelajar merangkumi tiga tahap; biasa, sederhana dan baik dari tiga buah sekolah menengah di Daerah Besut. Soalan kaji selidik berasaskan penilaian visual diedarkan kepada pelajar berkenaan.

Penganalisan data melibatkan statistik deskriptif dimana peratusan, taburan kekerapan dan min setiap item telah digunakan untuk melihat indeks persepsi pelajar terhadap rekabentuk landskap sekolah berbanding dengan pencapaian prestasi akademik pelajar. Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran khususnya landskap sekolah

mempunyai hubungan secara positif terhadap pencapaian prestasi akademik pelajar. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar biasa, sederhana dan baik dari segi pandangan mereka terhadap persekitaran sekolah. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa sekolah yang mempunyai persekitaran yang selesa dan menarik turut memberi kesan positif terhadap pencapaian prestasi akademik pelajar.

Dapatan kajian ini diharap dapat memberi implikasi kepada langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak-pihak berkaitan untuk membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selesa, menarik dan kondusif di sekolah.

## PENGHARGAAN

*"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani"*

Sesungguhnya segala puji dan sanjungan hanya bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam direstukan kehadiran Ilahi Rabbi untuk dilimpahkan ke atas Saiyidul-Mursaliin, Rasul junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarganya serta para nabi alaihimus-solatu wassalam. Limpahan anugerah dan keredhaan Allah dipohonkan untuk para sahabat, para tabi'in, para tabi'it-tabi'in, para ulama, para auliya, para mujahidin, para syuhada, para imam, para solihin dan para pengislah yang menurut jejak langkah mereka yang baik hingga ke hari kiamat. Keampunan, rahmat dan berkat serta kurniaan taufik hidayah dan inayah Allah saya tadharro'kan kehadiran Allah azza wa jalla untuk diriku, para guruku, ibu bapaku, nenek moyangku, isteriku, zuriatku, keluargaku, sahabat handaiku, murid-muridku dan seluruh kaum muslimin dan muslimat. Amin ya Rabbal-Alamiin wa ya Mujibas-Saiiliin.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala kerana dengan izin, limpah kurnia dan inayahNya yang telah memberi petunjuk taufik dan hidayah kepada saya sehingga dapat menyempurnakan penulisan projek ini yang bertajuk "Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Landskap Sekolah Dengan Pencapaian Prestasi Akademik Pelajar Sekolah Menengah Di Besut, Terengganu".

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membuatkan saya terhutang budi dalam menyempurnakan projek penulisan ini khususnya Dr. Suhardi Maulan selaku Penyelia Projek yang tidak pernah lekang dari tunjuk ajar dan nasihat.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada PM.Dr. Noorizan Mohamad yang merupakan Penyelaras Program MLA 2006-2008 dan para pensyarah Fakulti

Rekabentuk dan Senibina yang tidak pernah jemu mencurahkan segala ilmu sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Semoga segala budi dibawa ke mati...menjadi penerang dikala kegelapan.

Tidak dilupakan, saya juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Biasiswa yang telah memberi peluang dan pembiayaan untuk saya berada di sini. Kepada pihak Pejabat Pelajaran Besut dan sekolah-sekolah yang terlibat, SMK Putra, SMK Bukit Payong dan SMKA Wataniah, saya ucapkan berbilang terima kasih kerana layanan dan kerjasama yang cukup baik dan selesa sepanjang kajian dijalankan.

Akhirnya, terima kasih yang tidak terkira saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan, Kerol, Raizzal, Che'gu Din, Naem dan Wana serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung yang tidak mampu saya nyatakan di sini. Sokongan dan sumbangan kalian sungguh bermakna dalam menyuntik semangat dan memperkasakan komitmen, akan sentiasa terukir di ingatan hingga ke akhirnya.

Mudah-mudahan dengan izin Allah dan taufik hidayahNya, segala kandungan dan dapatan yang disajikan dalam hasil penulisan yang tidak seberapa ini masih mampu untuk memberi manfaat kepada semua pihak khususnya pencinta ilmu. Semoga dapat memberi suntikan terhadap penyelidikan yang seterusnya.

Wallahua'lam.


*Mohd Redzauddin bin Ismail bin Abdullah*

Hari Rabu, 03 Muharram 1430 Hijrah,  
Bersamaan 31 Disember 2008 Masihi

## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa penulisan projek ini adalah lengkap dan memenuhi syarat bergraduat. Penulisan Projek ini telah dikemukakan kepada Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan untuk ijazah Master Senibina Landskap.

Disahkan oleh ;



**SUHARDI MAULAN, PhD**  
*Ilam*


Jabatan Senibina Landskap  
Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh : 16/04/2009



## PERAKUAN

Saya memperakui bahawa penulisan projek ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa penulisan projek ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.



**MOHD REDZAUDDIN BIN ISMAIL**

Tarikh : 31 Disember 2008

## KANDUNGAN

### Mukasurat

<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI ILUSTRASI</b>	xiv
<b>SENARAI KATA SINGKATAN</b>	xvi

### **BAB**

#### **1. PENDAHULUAN**

1.1. Pengenalan	1
1.2. Isu Landskap Sekolah	3
1.3. Kenyataan Masalah	3
1.4. Matlamat Kajian	4
1.5. Objektif Kajian	4
1.6. Kepentingan Kajian	5
1.7. Andaian dan Limitasi	5

#### **2. KAJIAN LITERATUR**

2.1. Persekitaran Sekolah dan Pembelajaran	7
2.2. Kesimpulan	14

<b>3. METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1. Lokasi Kajian	15
3.2. Sampel Kajian	15
3.3. Rekabentuk Kajian	15
3.4. Alat Penyelidikan	16
3.5. Analisa Visual Sekolah	16
3.6. Tatacara Pengumpulan Data	18
<b>4. ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN</b>	
4.1. Pengenalan	19
4.2. Perbandingan Antara Pencapaian Prestasi Akademik Dengan Penilaian Pelajar Terhadap Landskap Sekolah	20
4.3. Perbandingan Nilai Min Tertinggi Dan Terendah Antara Sekolah-sekolah	28
4.4. Kehadiran Pelajar Ke Sekolah Selepas Waktu Persekolahan	41
4.5. Penglibatan Pelajar Dalam Kelab Dan Persatuan	43
<b>5. PERBINCANGAN</b>	
5.1. Pengenalan	45
5.2. Dapatan Kajian	45
5.3. Kesimpulan Kajian	
5.3.1. Hubungan Rekabentuk Persekitaran Sekolah Dengan Pencapaian Prestasi Akademik	46
5.3.2. Hubungan Rekabentuk Persekitaran Sekolah Dengan Kehadiran Pelajar Selepas Waktu Persekolahan	47
5.3.3. Hubungan Rekabentuk Persekitaran Sekolah Dengan Ko-kurikulum	48

<b>6. PENUTUP</b>	
6.1. Kesimpulan Kajian	49
6.2. Implikasi Kajian	50
6.3. Masalah Dan Kelemahan Kajian	51
6.4. Cadangan Dan Kajian Lanjutan	52
<b>RUJUKAN</b>	53
<b>LAMPIRAN</b>	
Data Kajian	56
Gambar Kajian	72
Soalan Kajian	82
Surat Kebenaran	86
<b>BIODATA PELAJAR</b>	92

## SENARAI JADUAL

Jadual		Mukasurat
1	Pembahagian skor bagi item positif	17
2	Pembahagian skor bagi item negatif	17
3	Peratus Lulus SPM 2003 – 2007	20
4	Persepsi visual pelajar terhadap landskap sekolah	21
5	Persepsi visual pelajar SMK Bukit Payong (min tertinggi)	28
6	Persepsi visual pelajar SMK Putra (min tertinggi)	29
7	Persepsi visual pelajar SMKA Wataniah (min tertinggi)	30
8	Persepsi visual keseluruhan pelajar (min tertinggi)	30
9	Persepsi visual pelajar SMK Bukit Payong (min terendah)	35
10	Persepsi visual pelajar SMK Putra (min terendah)	36
11	Persepsi visual pelajar SMKA Wataniah (min terendah)	36
12	Persepsi visual keseluruhan pelajar (min terendah)	37
13	Kekerapan pelajar datang ke sekolah selepas waktu persekolahan dalam tempoh seminggu	41
14	Bilangan Pelajar Terlibat Dalam Kelab / Persatuan (Persatuan Sains/Alam Sekitar/Geografi/Pengakap/Rekreasi/Pendidikan Luar)	43

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Mukasurat</b>
1	Kekerapan Pelajar Datang ke Sekolah Selepas Waktu Persekolahan	41
2	Bilangan Pelajar Terlibat Dalam Kelab / Persatuan (Persatuan Sains/Alam Sekitar/Geografi/Pengakap/ Rekreasi/Pendidikan Luar)	43

## SENARAI ILUSTRASI

<b>Gambar</b>		<b>Mukasurat</b>
1	Sampel landskap SMKA Wataniah yang mendapat penilaian tertinggi (Min 4.26)	22
2	Sampel landskap SMKA Wataniah yang mendapat penilaian kedua tertinggi (Min 4.24)	23
3	Sampel landskap SMKA Wataniah yang mendapat penilaian ketiga tertinggi (Min 4.17)	24
4	Sampel landskap yang mendapat penilaian tertinggi keseluruhan (Min 4.42) – SMK Bukit Payong	25
5	Sampel landskap yang mendapat penilaian kedua tertinggi keseluruhan (Min 4.35) – SMK Putra	26
6	Sampel landskap yang mendapat penilaian ketiga tertinggi keseluruhan (Min 4.26) – SMKA Wataniah	27
7	Sampel landskap paling digemari oleh keseluruhan pelajar – SMK Putra	32
8	Sampel landskap paling digemari oleh keseluruhan pelajar – SMKA Wataniah	33
9	Sampel landskap paling digemari oleh keseluruhan pelajar – SMKA Wataniah	34

10	Sampel landskap paling kurang digemari oleh keseluruhan pelajar – SMK Bukit Payong	38
11	Sampel landskap paling kurang digemari oleh keseluruhan pelajar – SMK Bukit Payong	39
12	Sampel landskap paling kurang digemari oleh keseluruhan pelajar – SMK Putra	40



## SENARAI KATA SINGKATAN

SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Bahagian ini membincangkan pendahuluan kajian yang merangkumi pengenalan kajian, isu landskap sekolah, kenyataan masalah, matlamat dan objektif kajian, kepentingan serta andaian dan limitasi kajian.

#### 1.1. Pengenalan

“Sekolah berkesan adalah sekolah yang mempunyai pengaruh positif terhadap pembelajaran pelajar ke arah kecemerlangan akademik”

(A.L.Ramaiah, 1995)

Suasana yang tenteram dan selesa di sekolah adalah sangat penting kepada para pelajar dan guru-gurunya dalam menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang baik dan berkesan. Suasana yang selesa juga sangat perlu bagi para pelajar memandangkan mereka menghabiskan hampir separuh daripada masa mereka di sekolah.

Suasana atau persekitaran yang selesa akan dapat membantu melahirkan para pelajar yang bermutu dan cemerlang, dimana suasana di dalam bilik darjah yang selesa akan membuatkan pelajar dapat memberikan tumpuan mereka sepenuhnya dan menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Pelajar yang dapat menumpukan perhatian mereka pada pelajaran seharusnya akan meningkatkan pencapaian mereka dari segi akademik dan juga ko-kurikulum. Sebaliknya jika suasana persekitaran yang tidak selesa, panas dan sebagainya, maka proses pengajaran dan pembelajaran mungkin akan turut terjejas. Keadaan sesuatu kelas yang mempunyai jumlah pelajar yang terlalu ramai akan menyebabkan suasana yang tidak selesa kepada pelajar dan guru

yang mengajar tidak dapat memberi sepenuhnya tumpuan kepada pelajar-pelajar (Utusan Malaysia, 10 Jan 1998).

Proses pengajaran dan pembelajaran tidak semestinya berada di dalam bilik darjah sahaja bahkan suasana persekitaran sekolah yang selesa dan harmoni juga penting untuk membantu di dalam membentuk pemikiran dan minda para pelajar yang baik. Untuk mewujudkan sekolah yang mempunyai persekitaran yang selesa dan baik di dalam dan di luar bilik darjah, sesebuah sekolah perlu ada prasarana yang lengkap, mempunyai persekitaran dalam bilik darjah yang selesa untuk pembelajaran dan persekitaran atau landskap luar bilik darjah yang baik, selamat dan berfungsi.

Elemen-elemen landskap seperti wakaf, meja, kerusi, tumbuh-tumbuhan, air, arca dan sebagainya boleh membantu mewujudkan persekitaran sekolah yang selesa. Oleh itu pihak sekolah perlulah membangunkan landskap kawasan sekolah untuk tujuan keselesaan dan dapat membantu melengkapkan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah kepada para pelajar. Pembangunan landskap juga akan dapat mengimbangi pengudaraan alam sekitar melalui proses-proses seperti fotosintesis dan pengoksidaan yang dapat memberikan udara yang segar kepada pelajar.

Selain itu, pembangunan landskap boleh mengindahkan dan meneduhkan kawasan sekolah dengan kombinasi pokok-pokok dan elemen-elemen lain seperti air, struktur dan batuan. Pokok-pokok yang dipilih bukan sahaja akan dapat meneduhkan kawasan sekolah malah yang penting untuk keselesaan kepada pelajar.

Pembangunan landskap yang semestinya dapat digunakan sepenuhnya oleh pelajar agar kawasan yang terhad di sekolah tidak disia-siakan begitu saja. Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan untuk setiap sekolah yang dibangunkan dan yang sedia ada dapat menyediakan persekitaran yang selesa untuk para pelajar menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Implikasi daripada itu bukan sahaja dapat memenuhi keperluan para pelajar malah ianya juga dapat memperlihatkan keharmonian sekolah tersebut dan secara tidak langsung boleh menaikkan taraf dan imej sesebuah sekolah itu sendiri. Suasana yang harmoni ini sewajarnya dapat menambat hati pelajar untuk datang ke sekolah sekaligus dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

## **1.2. Isu Landskap Sekolah**

Daripada pemerhatian, adalah didapati bahawa para pelajar di kebanyakan sekolah tidak menggunakan secara sepenuhnya dengan persekitaran sekolah yang ada untuk membantu mempertingkatkan proses pembelajaran. Persekitaran sekolah sepatutnya menjadi sebahagian pendorong kepada pelajar dalam menjalani pelbagai aktiviti sama ada berkaitan akademik mahupun ko-kurikulum. Fenomena ini berlaku ekoran daripada pihak sekolah atau pihak yang terlibat hanya membina landskap sekolah dengan mengambilkira faktor estetika semata-mata tanpa melihat bagaimana persekitaran sekolah boleh meningkatkan kualiti pembelajaran.

## **1.3. Kenyataan Masalah**

Rekabentuk pembinaan landskap sekolah yang kurang memberi penekanan terhadap aspek fungsi landskap dan keperluan pelajar telah menyebabkan penggunaannya menjadi terhad. Elemen-elemen yang diwujudkan dalam persekitaran sekolah lebih menekankan kepada nilai estetika sahaja.

Justeru, persekitaran sekolah tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan pembelajaran para pelajar.

Sekolah seharusnya menjadi kawasan yang selamat untuk pertumbuhan dan perkembangan para pelajar. Persekitaran sekolah yang selesa dan menarik akan dapat menjana proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

#### **1.4. Matlamat Kajian**

Mengenalpasti pengaruh landskap sekolah terhadap pencapaian akademik daripada segi persepsi pelajar.

Berdasarkan kepada kenyataan masalah yang diterangkan dalam Bahagian 1.2., maka satu kajian adalah perlu dilakukan untuk mengetahui sejauhmana persepsi pelajar terhadap rekabentuk persekitaran sekolah boleh mempengaruhi pencapaian prestasi akademik sesebuah sekolah.

#### **1.5. Objektif Kajian**

- i. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap landskap.
- ii. Menenalpasti hubungan antara persepsi pelajar terhadap landskap dengan pencapaian akademik.
- iii. Menenalpasti faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar;
  - a. Penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum.
  - b. Kehadiran pelajar di sekolah selain dari waktu wajib persekolahan.

## **1.6. Kepentingan Kajian**

Melalui kajian ini, penyelidik berharap akan dapat mengetahui hubungkait antara rekabentuk landskap sekolah dengan tahap pencapaian prestasi akademik pelajar. Pemahaman dan pengetahuan mengenai hubungkait ini boleh digunakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar ke arah kecemerlangan sama ada dalam kurikulum mahupun ko-kurikulum.

Diharapkan kajian ini akan dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti pentadbir sekolah, pihak yang terlibat dalam pembinaan sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memperbaiki kekurangan rekabentuk sekolah yang ada seterusnya mempertingkatkan pencapaian prestasi akademik pelajar. Hasil kajian ini juga diharap akan dapat memberi sokongan kepada penyelidik lain yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan tajuk ini.

## **1.7. Andaian dan Limitasi**

Kajian ini secara khusus memfokuskan kepada SMK/SMKA yang terletak sekitar di Daerah Besut, Terengganu. Sebanyak tiga buah sekolah yang terdiri daripada SMK dan SMKA dipilih untuk pelaksanaan kajian ini.

Sekolah-sekolah yang terlibat adalah;

- i. SMK Bukit Payong, Jerteh, Terengganu
- ii. SMK Putra, Jerteh, Terengganu
- iii. SMK Agama Wataniah, Jerteh, Terengganu.

Seramai 300 peserta kajian diambil dikalangan pelajar sekolah-sekolah yang terlibat. Semua peserta ini dipilih secara rawak mewakili jantina daripada pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan tahap pencapaian prestasi akademik iaitu biasa, sederhana dan cemerlang.

Kajian ini dilaksana berdasarkan persepsi visual pelajar terhadap rekabentuk landskap di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan. Rekabentuk landskap sekolah adalah merujuk kepada persekitaran yang terdapat di kawasan sekolah berkenaan. Justeru, ia lebih memperlihatkan persepsi pelajar terhadap landskap sekolah yang terbabit secara umum.

Namun begitu, kajian ini juga dijalankan mengikut batasan-batasan tertentu yang meliputi aspek rekabentuk persekitaran sekolah yang mempunyai hubungan dengan pencapaian prestasi akademik pelajar. Pembolehubah-pembolehubah lain seperti dorongan ibu bapa, latar belakang keluarga, kumpulan rakan sebaya dan beberapa faktor lain yang mempengaruhi proses pembelajaran di sekolah tidak dipertimbangkan dalam kajian ini.

Berikut adalah ringkasan limitasi kajian ini;

- i. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah SMK dan SMKA di Besut.
- ii. Para pelajar yang menjadi peserta untuk kaji selidik ini terdiri dari tingkatan 4 dan 5 dari tiga buah sekolah.
- iii. 300 pelajar, 150 lelaki dan 150 perempuan dipilih secara rawak mewakili tiga tahap prestasi akademik; biasa, sederhana dan cemerlang meliputi tiga buah sekolah menengah yang terlibat.
- iv. Visual yang akan digunakan untuk penilaian pelajar diambil secara rawak di setiap sekolah dengan tidak memfokuskan kepada bahagian tertentu yang dianggap menarik.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan kajian literatur yang merangkumi aspek persekitaran sekolah dan pembelajaran serta kajian yang telah dibuat mengenai persepsi sekolah.

#### 2.1. Persekitaran Sekolah dan Pembelajaran

Kajian berhubung dengan aspek rekabentuk persekitaran telah banyak dilakukan oleh para penyelidik di negara barat. Kajian-kajian ini telah mula dilaksana sejak 30 tahun kebelakangan. Di Malaysia, antara pengkaji awal yang terlibat dalam persekitaran sekolah ialah Omar Munasir (1982) dan beliau telah mengkaji faktor manusia dalam rekabentuk persekitaran sesebuah sekolah.

Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa keluasan sekolah yang sempit, aras kebisingan yang tinggi dan keadaan suhu yang tinggi menyebabkan saiz bilik dirasakan kecil sehingga sukar untuk pelajar-pelajar bergerak dengan selesa di samping menyukarkan penempatan perabut di dalam kelas.

Pusat Perkembangan Kurikulum (1981) mendefinisikan iklim sekolah sebagai perkiraan untuk suasana sekolah di mana keadaan persekitaran sekolah yang dirasakan selesa, tenteram, mesra dan riang dan berkait rapat dengan pembelajaran yang lancar adalah dikatakan mempunyai iklim pembelajaran yang baik.

Menurut Halpin dan Croft (1963), iklim sekolah yang berkesan mempunyai ciri-ciri berikut;

- 1) guru-guru merasa selamat, berpuas hati dan berkeyakinan,



- 2) guru-guru tidak rasa tertekan dan mengambil perhatian tentang kemajuan murid-muridnya,
- 3) pengetua merasa penuh yakin terhadap kerjanya, serta bertimbang rasa, dan
- 4) pelajar merasa selamat dan belajar bersungguh-sungguh.

Kajian Halpin dan Croft ini hanya memberi penekanan terhadap aspek pengajaran dalam iklim sekolah. Oleh itu, kajian ini ingin menerangkan bahawa dengan pengajaran sahaja tidak akan mencapai iklim yang baik tetapi juga perlu disertakan dengan persekitaran atau landskap yang baik.

Menurut Fathiah (2005), suasana sekolah yang mencerminkan ciri keislaman yang sebenar, boleh menyediakan persekitaran harmoni dan melahirkan kasih sayang, hormat menghormati serta pelaksanaan aktiviti pendidikan yang membawa kepada kejayaan sahsiah dan pencapaian murid-murid. Selain itu, pengetua yang memimpin guru-guru, menjadi penyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran serta menjadi pencetus, penggerak dan pembina tamadun Islam.

Perubahan tingkahlaku yang baik oleh seseorang tidak akan berlaku secara tersendiri dengan hanya persekitaran yang islamik. Secara realiti, suasana sekolah yang mencerminkan ciri keislaman bukanlah penentu sebenar bagi mewujudkan pembentukan sahsiah yang baik. Apa yang lebih penting adalah kefahaman, penghayatan dan mengaplikasikan ciri-ciri keislaman.

Namun begitu, persekitaran yang islamik adalah persekitaran yang baik dan boleh menjadi pemangkin kepada perubahan tingkahlaku yang baik. Juteru, hasil perubahan tingkahlaku yang berasaskan kepada nilai-nilai islam perlu dibangunkan menerusi iklim pembelajaran yang berkesan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Keadaan ini akan terhasil menerusi rekabentuk landskap sekolah yang kondusif.